



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

Jabatan Bendahari Bursar's Department

Ruj : UKM 3.1/224/8 Jld IX  
Tarikh : 11 April 2014

## PEKELILING BENDAHARI BIL.10/2014

Dekan/ Pengarah/ Ketua  
Fakulti/ Institut/Pusat/Jabatan/ Unit  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

## TANGGUNGJAWAB PEMUNGUT WANG/HASIL UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pegawai Pemungut Hasil/Wang UKM bertanggungjawab menjaga keselamatan wang tunai/dokumen dan barang berharga. Pemegang anak kunci peti besi atau tempat simpanan wang adalah sentiasa bertanggungjawab menyimpan dengan selamat dan menggunakan anak kunci dengan sepatutnya.
3. Sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini seperti kecurian wang tetapi anak kunci berada di peti besi atau tempat simpanan wang, pihak insuran tidak bertanggungjawab untuk membayar segala gantirugi kehilangan wang berkenaan. Pegawai yang didapati bersalah kerana cuai mengenai penyimpanan anak kunci boleh dikenakan tindakan tatatertib.
4. Sehubungan dengan itu, Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengambil maklum dan menyampaikan peraturan ini kepada semua Pegawai Pemungut di PTJ masing-masing. Sila rujuk Arahan Perbendaharaan 125 – 135 berkaitan peraturan peti besi atau bilik kebal.

Sekian, terima kasih.

*"Aktauntabiliti Pegangan Kita"*

Yang benar,

**DATO' HJ. MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL**

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

- sk - Naib Canselor, UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM  
- Pendaftar, UKM  
- Ketua, Unit Audit Dalam